



KEMENTERIAN KEWANGAN

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 8 TAHUN 2004

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Ketua-Ketua Badan Berkanun
Pihak-pihak Berkuasa Tempatan

**HAD NILAI DAN SYARAT-SYARAT PEMBELIAN TERUS
BAGI BEKALAN DAN PERKHIDMATAN**

Tujuan

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini bertujuan untuk memaklumkan perubahan kepada SPP Bil. 4 Tahun 2002 mengenai had nilai dan syarat-syarat pembelian terus bagi bekalan dan perkhidmatan.

Latar Belakang

2. Prosedur dan syarat-syarat pembelian terus bagi bekalan dan perkhidmatan telah ditetapkan melalui SPP Bil. 4 Tahun 2002. Walau bagaimanapun selaras dengan pelaksanaan sistem ePerolehan serta pembayaran melalui eSPKB di semua agensi Kerajaan Persekutuan, SPP Bil. 5 Tahun 2003 telah menetapkan bahawa peraturan pembelian terus di bawah SPP Bil. 4 Tahun 2002 dibenarkan sehingga 31 Disember 2004. Sehubungan itu prosedur dan syarat pembelian terus yang baru perlu ditetapkan.

Had Nilai dan Syarat-Syarat Pembelian Terus Bagi Bekalan dan Perkhidmatan

3. Had nilai dan syarat-syarat pembelian terus bagi bekalan dan perkhidmatan adalah ditetapkan seperti berikut :

Nilai Perolehan	Taraf Pembekal/Syarikat
(i) Sehingga RM10,000 setahun bagi setiap jenis item	Daripada mana-mana pembekal/syarikat
(ii) Melebihi RM10,000 hingga RM50,000 setahun bagi setiap jenis item	Daripada pembekal/syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan

4. Untuk memudahkan proses perolehan, pengkelasan barangan yang digunakan bersama dimansuhkan dan dengan itu klasifikasi bekalan mengikut 'tiap-tiap jenis item atau kelas jenis item' yang terdapat dalam AP 170.1, AP171.1, AP173.1 dan AP184.2(ii) dengan ini digantikan dengan '**setiap jenis item**'.

Pembelian Terus bagi Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang telah ePerolehan *Enabled*

5. Bagi semua PTJ yang telah ePerolehan *enabled*, proses pembelian terus bagi kategori 3(ii) di atas hendaklah dibuat melalui sistem ePerolehan daripada pembekal/syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di negeri yang berkenaan yang telah ePerolehan *enabled*. Sekiranya tidak terdapat pembekal/syarikat Bumiputera di negeri berkenaan, Pegawai Pelulus boleh membenarkan pembelian dibuat daripada mana-mana pembekal/syarikat Bumiputera yang ePerolehan *enabled* dari negeri-negeri berdekatan. Walau bagaimanapun jika tiada pembekal yang ePerolehan *enabled* bagi perolehan tertentu maka pembelian boleh dibuat secara *offline* daripada pembekal Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

Pembelian Terus bagi Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang belum ePerolehan *Enabled*

6. Bagi PTJ yang belum ePerolehan *enabled*, pembelian terus bagi kategori 3(ii) di atas hendaklah dibuat daripada pembekal/syarikat Bumiputera di dalam negeri berkenaan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Sekiranya tidak terdapat pembekal/syarikat Bumiputera di negeri berkenaan, Ketua PTJ/Pemegang Waran diberi kuasa untuk meluluskan pembelian daripada mana-mana pembekal/syarikat Bumiputera dari negeri-negeri berdekatan yang diketahui sentiasa menawarkan harga yang berpatutan dan Pesanan Pembelian Tempatan hendaklah ditandatangani oleh Ketua Pusat Tanggungjawab/Pemegang Waran atau pegawai-pegawai lain yang telah diberi kuasa secara bertulis mengikut AP176.1(b).

Tanggungjawab PTJ

7. Semua PTJ yang ePerolehan *enabled* hendaklah memastikan pembelian terus dibuat daripada pembekal/syarikat yang ePerolehan *enabled* dan mempunyai katalog bekalan/perkhidmatan dalam sistem ePerolehan. Hanya pembekal/syarikat yang ePerolehan *enabled* sahaja dibenarkan membekal kepada agensi Kerajaan yang telah ePerolehan *enabled*.

8. PTJ yang sering membuat pembelian bekalan/perkhidmatan daripada pembekal/syarikat yang tidak berdaftar atau yang belum ePerolehan *enabled* hendaklah menasihatkan pembekal/syarikat berkenaan supaya segera berdaftar dan seterusnya memuat naik katalog bekalan/perkhidmatan masing-masing kedalam sistem ePerolehan supaya dapat terus mengurus niaga dengan agensi-agensi Kerajaan apabila ePerolehan dilaksanakan sepenuhnya kelak.

Kuat kuasa dan Pembatalan

9. SPP ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2005. Dengan berkuatkuasanya SPP ini, SPP Bil. 4 Tahun 2002 dan para 5 dalam SPP Bil. 5 Tahun 2003 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Saya yang menurut perintah,



(Dato' Izzuddin Bin Dali)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

31 Disember 2004

s.k.

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara
Akauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri